

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(I)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB. LEE KHAI LOON**

9. Senaraikan jumlah penerima program Pelajar Emas serta jumlah keseluruhan pelajar mengikut tingkatan dan daerah sejak 2013.
- (a) Bolehkah Kerajaan Negeri terus memberi bantuan Pelajar Emas kepada semua yang layak tanpa pengisian borang maklumat dan karenah birokrasi?
- (b) Jika tidak boleh, terangkan kenapa.

**YB. PHEE BOON POH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

9. Jumlah keseluruhan penerima program Skim Pelajar Emas sejak tahun 2013 hingga Julai 2018 adalah seramai 244,172 orang. Pecahan mengikut tingkatan dan daerah adalah seperti berikut:-

DAERAH	DARJAH 1	DARJAH 4	TINGKATAN 1	TINGKATAN 4	JUMLAH
SPT	17,705	17,224	17,669	14,479	67,077
SPU	16,870	15,471	15,227	13,128	60,696
SPS	9,839	9,236	8,710	7,486	35,271

DTL	15,119	14,133	14,600	12,402	56,254
DBD	7,889	6,968	5,605	4,412	24,874
JUMLAH	67,422	63,032	61,811	51,907	244,172

- (a) Kerajaan Negeri sememangnya komited untuk mempermudahkan mekanisme pembayaran setiap tahun melalui perbincangan dalam mesyuarat post mortem yang akan diadakan selepas selesai sesi pembayaran program-program iSejahtera. Pada ketika ini, Kerajaan Negeri dalam perancangan untuk mengadakan pertemuan dengan Kementerian Pendidikan bagi membincangkan cadangan untuk membenarkan pihak sekolah terlibat dalam pendaftaran, pengesahan dan pembayaran bagi Program Skim Pelajar Emas tanpa perlu melibatkan pengisian borang secara manual dan mengurangkan birokrasi. Pembayaran juga dicadangkan dilakukan secara *electronic fund transfer (EFT)* bagi pelajar yang mempunyai akaun bank dan pembayaran secara tunai di sekolah bagi pelajar yang tidak mempunyai akaun agar memudahkan para pelajar menuntut wang sumbangan dan secara langsung menjimatkan masa serta kos pengangkutan. Kaedah ini diyakini dapat dilakukan dengan mengambil kira Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan adalah dibawah Kerajaan Pakatan Harapan berbanding dengan sebelum PRU 14.